

CADANGAN DAN RUMUSAN |

BAB 5

5.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan terhadap rumusan dapatan kajian berhubung dengan kesedaran pelajar sekolah menengah tentang MSC di dua kawasan kajian iaitu kawasan bandar dan luar bandar di Kelantan. Perbincangan dalam bab ini akan diperincikan berasaskan objektif kajian. Ia seterusnya akan diikuti dengan perbincangan tentang batasan kajian serta mengemukakan cadangan yang perlu diambil berhubung dengan kesedaran MSC serta cadangan untuk kajian akan datang.

Seramai 300 orang responden yang terdiri daripada 150 orang pelajar sekolah menengah di kawasan bandar dan 150 orang pelajar sekolah menengah di kawasan luar bandar di Kelantan telah terlibat sebagai sampel kajian. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik bagi mendapatkan maklumat tentang demografik pelajar sekolah menengah dan maklumat tentang kesedaran pelajar sekolah menengah terhadap projek mega MSC.

5.2 Rumusan keseluruhan dapatan kajian

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan beberapa dapatan yang penting terhadap kesedaran tentang Koridor Raya Multimedia di kalangan pelajar sekolah menengah di kawasan bandar dan luar bandar di negeri Kelantan seperti berikut:

5.2.1 Latar belakang MSC

Hasil kajian keseluruhannya terhadap latar belakang MSC menunjukkan :

- a. Majoriti responden pernah melihat serta mengetahui tentang logo MSC iaitu sebanyak 96.7% responden di kawasan luar bandar dan 97.3% responden di kawasan bandar.

- b. Responden di kedua-dua kawasan mengetahui tentang objektif MSC adalah amat menggalakkan iaitu sebanyak 78.0% responden di kawasan luar bandar dan 79.3% responden di kawasan bandar.
- c. Lebih separuh iaitu 59.3% responden di kawasan luar bandar mengetahui MDC yang menguruskan MSC berbanding responden kawasan bandar.
- d. Lebih separuh responden di kedua-dua kawasan yang mengetahui Subang Jaya kawasan bukan bandar siber iaitu sebanyak 58.7% responden di kawasan luar bandar dan 57.3% responden di kawasan bandar.
- e. Lebih separuh responden di kawasan luar bandar iaitu sebanyak 55.3% dan responden di kawasan bandar iaitu sebanyak 51.3% yang mengetahui Universiti Multimedia yang terletak di Cyberjaya.

Peratusan kesedaran responden di kedua-dua kawasan terhadap latar belakang MSC boleh dikatakan masih lagi rendah. Ini kerana kurang daripada separuh responden yang mengetahui tentang tahun penubuhan, apakah projek MSC, kawasan yang bukan dalam lingkungan MSC, undang-undang IT serta laman web MSC.

5.2.2 Aplikasi perdana MSC

Hasil kajian keseluruhannya terhadap aplikasi perdana MSC menunjukkan kurang daripada separuh responden di kedua-dua kawasan yang mengetahui tentang maklumat aplikasi perdana MSC Teleperubatan dan E-Kerajaan berbanding dengan aplikasi perdana MSC MyKad dan Sekolah Bestari. Ia dapat diperincikan seperti berikut:

- a. Responden yang mengetahui tentang fungsi aplikasi MyKad adalah amat menggalakkan iaitu 72.0% responden di kawasan luar bandar dan 68.7% responden di kawasan bandar.

- b. Lebih separuh responden di kawasan luar bandar dan responden di kawasan bandar mendapat maklumat MSC menerusi media elektronik iaitu iklan televisyen, radio dan sebagainya berbanding sumber-sumber lain.
- c. Pengetahuan responden di kedua-dua kawasan terhadap agensi kerajaan terhadap MyKad juga amat menggalakkan iaitu 72.7% responden di kawasan luar bandar dan 75.3% responden di kawasan bandar.
- d. Responden di kedua-dua kawasan yang mengetahui MSC telah melancarkan Sekolah Bestari untuk meningkatkan sistem adalah amat menggalakkan iaitu 67.3% responden di kawasan luar bandar dan 78.7% responden di kawasan bandar.
- e. Lebih separuh responden di kedua-dua kawasan yang mengetahui agensi yang bertanggungjawab membangunkan Sekolah Bestari iaitu 54.0% responden di kawasan luar bandar dan 57.3% responden di kawasan bandar.
- f. Hanya 53.3% atau lebih separuh responden di kawasan bandar yang mengetahui E-Khidmat sebagai aplikasi 'online' yang membantu masyarakat berinteraksi dan membuat transaksi dengan sektor kerajaan yang merupakan salah satu maklumat berkenaan dengan aplikasi perdana E-Kerajaan.

5.2.3 Tanggapan responden terhadap MSC

Kajian menunjukkan bahawa hampir separuh responden di kawasan luar bandar bersetuju meletakkan MSC sebagai pusat ICT di tempat yang pertama iaitu sebanyak 48.0% berbanding dengan responden di kawasan bandar iaitu sebanyak 38.7%. Begitu juga dengan tanggapan responden, kebanyakannya menyatakan kewujudan MSC telah meletakkan Malaysia terkehadapan dalam teknologi ICT iaitu sebanyak 40.0% responden di kawasan luar bandar dan 37.3% responden di kawasan bandar.

5.2.4 Implementasi Kerajaan

Hasil kajian keseluruhannya terhadap implementasi kerajaan menunjukkan:

- a. Pengetahuan responden samada kerajaan telah melancarkan inisiatif untuk mempromosikan maklumat dan telematik di dalam kerajaan dan perkhidmatan awam adalah rendah iaitu sebanyak 38.0% bagi kawasan luar bandar dan 37.3% bagi kawasan bandar.
- b. Majoriti responden di kawasan luar bandar dan bandar mengetahui kerajaan yang terlibat dalam inisiatif penggunaan maklumat dan telematik berbanding agensi lain iaitu sebanyak 78.9% responden di kawasan luar bandar dan 75% responden di kawasan bandar.
- c. Majoriti responden di kedua-dua kawasan mengetahui kerajaan mempunyai satu atau lebih laman web rasmi iaitu sebanyak 76% bagi kawasan luar Bandar dan sebanyak 84% responden di kawasan bandar.
- d. Majoriti responden di kedua-dua kawasan yang mengetahui dan menyatakan kerajaan ada menyediakan polisi untuk menyediakan pendapat dan sumber maklumat di laman web kerajaan iaitu sebanyak 84.2% responden di kawasan luar bandar dan 84.1% responden di kawasan bandar.
- e. Lebih separuh responden kawasan luar bandar iaitu 52.0% dan bandar 59.3% mengatakan kerajaan ada mempunyai polisi untuk memperlihatkan komitmen mereka di dalam usaha celik IT tetapi cuma sebahagian yang dilaksanakan.
- f. Sebanyak 44.0% responden di kawasan luar bandar dan separuh responden di kawasan bandar iaitu 50.0% mengatakan kerajaan perlu mensubsidi perkhidmatan asas internet bagi memastikan penduduk mendapatkan maklumat tentang k-ekonomi.

- g. Majoriti responden di kedua-dua mengetahui bahawa Malaysia telah menggunakan teknologi kad pintar iaitu sebanyak 72% responden di kawasan luar bandar dan 75.6% responden di kawasan bandar.
- h. Pelbagai tanggapan terhadap perkembangan penguasaan *on-line* namun kebanyakan responden iaitu 36.7% di kawasan luar bandar dan 36.0% responden di kawasan bandar menyatakan tahap celik IT yang rendah adalah sebab utama.

5.2.5 Bahan bacaan, kekerapan menonton berita televisyen dan penggunaan komputer

Hasil kajian keseluruhannya terhadap bahan bacaan, kekerapan menonton berita dan penggunaan komputer menunjukkan:

- a. Lebih separuh responden di kawasan luar bandar iaitu sebanyak 50.7% manakala hanya 44.7% responden di kawasan bandar yang membaca suratkhbar berbanding media cetak yang lain seperti buku, majalah, komik, novel dan lain-lain.
- b. Kurang daripada separuh responden di kawasan luar bandar yang membaca akhbar pada tiap-tiap hari iaitu sebanyak 22.7% berbanding kawasan bandar sebanyak 41.3%. Hampir separuh responden di kawasan luar bandar membaca akhbar 2 atau 3 kali seminggu iaitu sebanyak 46.7% responden manakala di kawasan bandar adalah sebanyak 37.3% responden.
- c. Lebih separuh peratusan responden menonton berita di televisyen pada tiap-tiap hari iaitu 55.3% responden di kawasan luar bandar dan 52.7% responden di kawasan bandar.
- d. Pemilikan komputer adalah sangat rendah bagi kawasan luar bandar iaitu hanya 18.0% responden berbanding kawasan bandar iaitu 38.0% responden.

- e. Majoriti responden mengetahui menggunakan komputer di kedua-dua kawasan iaitu 81.3% responden di kawasan luar bandar manakala kawasan bandar sebanyak 94.7% responden.

5.2.6 Pengetahuan mengenai MSC

- a. Lebih separuh responden mengetahui tentang projek MSC iaitu 54.0% responden di kawasan luar bandar dan amat menggalakkan bagi kawasan bandar iaitu sebanyak 60.0%.
- b. Lebih separuh responden di kawasan luar bandar iaitu sebanyak 51.4% dan 54.0% di kawasan luar bandar yang mengetahui tujuan penubuhan MSC.
- c. Kurang daripada separuh responden mengetahui lokasi MSC iaitu sebanyak 44.0% responden di kawasan luar bandar dan 43.3% responden di kawasan bandar.
- d. Responden di kedua-dua kawasan mencatatkan pengetahuan yang amat rendah terhadap jenis-jenis syarikat yang bertapak di MSC iaitu sebanyak 7.3% responden di kawasan luar bandar dan 8.7% responden di kawasan bandar.
- e. Responden yang mengetahui semua projek-projek MSC adalah rendah. Kebanyakan responden di kedua-dua kawasan hanya mengetahui tentang aplikasi MyKad, Sekolah Bestari dan E-Kerajaan.

5.2.7 Manfaat MSC dari segi sosial dan ekonomi

Kajian mendapati lebih separuh 80% responden di kedua-dua kawasan menyokong dan menyedari dengan penubuhan MSC akan memberikan pelbagai manfaat baik dari segi sosial dan ekonomi kepada masyarakat iaitu:

- MSC telah menyumbang terhadap peningkatan prestasi kerja.

- MSC telah menyenangkan usaha mengadakan penjarangan di kalangan rakan sekerja serta kontak dalam dan luar negara.
- MSC telah memudahkan usaha mencari maklumat umum dan khusus untuk keperluan kerja.
- MSC telah memudahkan pencarian maklumat peringkat lokal dan global untuk keperluan kerja.
- MSC telah meninggikan status saya dan meletakkan saya dalam kategori orang berpengetahuan.
- MSC telah membuka dunia baru kepada saya.

Secara keseluruhan, hasil kajian di atas menunjukkan lebih separuh pelajar sekolah menengah di kedua-dua kawasan di negeri Kelantan menyedari tentang kewujudan dan faedah MSC. Kesedaran terhadap MSC oleh pelajar sekolah menengah ini disebabkan mereka banyak mendapat maklumat daripada media elektronik dan media cetak.

Kajian yang dijalankan juga mendapati pelajar sekolah menengah di kedua-dua kawasan adalah celik ICT selaras dengan pelaksanaan MSC yang mementingkan kewujudan masyarakat bermaklumat. Ini dapat dilihat melalui kadar penggunaan komputer yang tinggi di kalangan pelajar walaupun bilangan pelajar sekolah menengah yang mempunyai komputer peribadi adalah rendah. Mereka juga bersetuju dan beranggapan projek MSC yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah sesuatu yang amat baik dan dapat memberi manfaat dari segi sosial dan ekonomi kepada masyarakat. Ini menunjukkan golongan pelajar ini bersedia menerima perubahan yang di bawa oleh kerajaan sesuai dengan perubahan global.

Namun begitu kesedaran di kalangan mereka masih lagi tahap yang kurang jelas dan memuaskan terutama terhadap peratusan kesedaran responden di kedua-dua

kawasan terhadap latar belakang MSC seperti tahun penubuhan MSC, apakah projek MSC, kawasan yang bukan dalam lingkungan MSC, undang-undang IT, syarikat yang bertapak di MSC serta laman web MSC. Begitu juga dengan implementasi kerajaan seperti penggunaan telematik, penguasaan *online* di dalam kerajaan serta maklumat berkenaan K-Ekonomi.

Pelbagai usaha yang perlu diambil oleh MDC khususnya dan kerajaan umumnya bagi memastikan pelajar sekolah menengah di kawasan bandar dan luar bandar di Kelantan mengetahui dengan lebih mendalam tentang MSC. Ini sebagai persediaan untuk memperluaskan projek ini ke kawasan luar lingkungan MSC dan ke arah menjadikan seluruh Malaysia sebagai pusat MSC. Ia juga sebagai menyalurkan hasrat kerajaan untuk mengurangkan jurang digital di antara kawasan bandar dan luar bandar seterusnya bagi melahirkan generasi bermaklumat menjelang tahun 2020.

5.3 Cadangan untuk meningkatkan kesedaran tentang MSC di kalangan masyarakat

- a. Memberi pendedahan dan kesedaran secara menyeluruh di kawasan bandar dan luar bandar tentang MSC serta kaitannya dengan kerja dan kehidupan harian pelajar sekolah menengah. Ini kerana masih ramai lagi di antara pelajar ini yang pernah mendengar MSC tetapi tidak mengetahui apakah sebenarnya MSC dan kepentingannya kepada diri sendiri, masyarakat serta negara.
- b. Kaedah penyebaran maklumat berkenaan MSC juga penting dan perlu dititikberatkan dan perlu dilakukan secara berterusan. Antara kaedah penyebaran maklumat yang perlu dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab ialah melalui media elektronik seperti iklan televisyen dan radio. Media cetak juga memainkan peranan penting seperti risalah, surat

khabar dan majalah. Apa yang diperlukan ialah pengawasan dan pemantauan terhadap saluran-saluran ini dan keadaan persekitarannya bagi memastikan maklumat yang disampaikan, memberi kesan kepada masyarakat.

- c. Pameran atau pertunjukkan (*exhibition*) MSC di seluruh negara termasuk di kawasan luar bandar juga perlu dilakukan bagi membolehkan pelajar sekolah khususnya dan orang ramai amnya menyertai pelbagai aktiviti kesedaran yang diusahakan. Penyebaran maklumat yang begitu komprehensif ke kawasan luar bandar akan memberi kesan terhadap pengurangan jurang digital.

5.4 Batasan kajian

Kajian ini mempunyai beberapa batasan. Dengan itu, apabila membuat penilaian dan tafsiran terhadap kajian ini, batasan yang dinyatakan di bawah ini perlu diambil kira:

- a. Hasil kajian yang diperoleh menunjukkan hampir keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini ialah kaum Melayu di kedua-dua kawasan. Oleh itu, hasil kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada kaum lain.
- b. Hasil kajian ini menumpukan kepada pelajar sekolah menengah yang berada di tingkatan empat, lima dan enam sahaja tanpa ditumpukan kepada semua pelajar sekolah menengah pelbagai tahap.
- c. Hasil kajian yang diperoleh hanya ditumpukan kepada pelajar sekolah menengah bandar dan luar bandar di Kelantan sahaja tanpa mengambil kira pelajar sekolah menengah di negeri lain yang turut berada di luar lingkungan kawasan MSC.
- d. Kajian ini dijalankan di kawasan bandar dan luar bandar yang hanya bersebelahan kedudukannya oleh kerana faktor masa yang terhad dan kos yang tinggi terpaksa ditanggung oleh pengkaji.

5.5 Cadangan kajian akan datang

Batasan kajian yang telah dinyatakan sebelum ini tidak mengurangkan penemuan kajian ini. Di sebaliknya, batasan tersebut meletakkan asas cadangan untuk kajian di masa hadapan. Di antara cadangan untuk kajian akan datang ialah membuat kajian kesedaran tentang MSC di kalangan guru-guru di negeri Kelantan. Ini penting kerana guru-guru adalah sumber ilmu yang paling dekat dengan pelajar selain media elektronik dan media cetak. Tanpa kesedaran yang tinggi terhadap MSC di kalangan guru-guru di sekolah, boleh membantutkan usaha kerajaan dalam menghasilkan generasi celik ICT di masa depan.

Selain itu, pengkaji turut mencadangkan kajian akan datang di buat di kawasan luar bandar yang jauh jaraknya daripada kawasan bandar. Ini penting bagi memastikan keberkesanan kajian yang di lakukan terhadap kawasan luar bandar tanpa sebarang bias. Kajian akan datang juga perlu mengambil kira penglibatan pelajar sekolah menengah daripada kaum lain yang seimbang terhadap kesedaran tentang MSC.

5.6 Kesimpulan

Kesedaran yang rendah terhadap MSC bergantung kepada beberapa faktor seperti tidak jelas terhadap hala tuju projek MSC. Keadaan ini terjadi oleh kerana maklumat yang diterima berkenaan MSC adalah sedikit yang menyebabkan masyarakat menjadi kabur atau taksa (*ambiguous*) seterusnya manfaat atau tujuan MSC tidak akan dikenal pasti dan ditakrif dengan jelas. Nak ubah apa? Untuk apa? Supaya apa? Kesemua persoalan inilah yang akan timbul akibat tiada kejelasan berkenaan MSC. Matlamat yang kabur terhadap MSC boleh mewujudkan ketidakjelasan, ketidakpastian ataupun keresahan dan seterusnya akan melenyapkan kesedaran terhadap MSC di kalangan masyarakat.

Selain itu, penekanan terhadap program juga memberi kesan terhadap kesedaran masyarakat terhadap MSC. Ini bermakna badan yang menguruskan MSC terlalu bertumpu kepada program tetapi mengetepikan perancangan bagaimana melaksanakannya. Setiap program perubahan yang dirancang perlu diiringi dengan perancangan untuk melaksanakannya, yakni *practicalities* program. Teknologi dan rekaan tidak bermakna jika cara mengguna dan menfaatkannya tidak diketahui. Inilah yang terjadi terhadap MSC. MSC menjadi buah mulut masyarakat pada masa kini tetapi berapa ramaikah yang tahu bagaimana mereka boleh memberi sumbangan dan memanfaatkan MSC dalam kehidupan mereka? Kajian kesedaran yang telah dilakukan ini telah membuktikan kebanyakannya masih tidak mengetahui manfaat dan sumbangan yang dibawa oleh MSC.

Pemusatan teknologi dengan pelaksanaan MSC sebenarnya boleh memberi banyak manfaat kepada seluruh masyarakat. Melalui pelaksanaan MSC akan memperlihatkan wujudnya satu perubahan dalam masyarakat baik dari segi sosial mahupun dalam bidang ekonomi yang lebih menjurus kepada penggunaan ICT yang lebih meluas ke arah melahirkan masyarakat yang celik ICT dan mewujudkan masyarakat yang bermaklumat sesuai dengan perubahan global yang melanda dunia.

Perubahan dan manfaat yang dibawa oleh MSC inilah, yang perlu disedari oleh masyarakat khususnya oleh pelajar sekolah menengah oleh kerana mereka merupakan generasi yang bakal meneruskan kesinambungan kejayaan Malaysia di dalam pelbagai bidang di masa akan datang. Namun apa yang pasti, kesedaran yang rendah terhadap MSC akan menyebabkan rancangan kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020 akan terbantut dan gagal sekiranya ia dibiarkan tanpa sebarang tindakan untuk mengatasinya.

Hasil kajian yang menunjukkan pelajar sekolah menengah di kawasan bandar dan luar bandar di Kelantan menyedari tentang MSC dan faedahnya walaupun tahap kesedaran yang kurang membanggakan namun ini merupakan satu petanda yang baik kepada perkembangan MSC pada masa hadapan ke arah menjadikan seluruh Malaysia sebagai kawasan MSC sepenuhnya dan melengkapkan ketiga-tiga fasa MSC menjelang tahun 2020. Tahap kesedaran ini boleh ditingkatkan dari semasa ke semasa melalui pengembelian usaha kesedaran melalui pelbagai cara yang boleh dilakukan oleh semua pihak yang terlibat secara efektif.